

Laporan Tahunan 2014

Annual Report

اَوْنُو رَسِيَّتِي بَاتِي كُنُو لُو كِي مَبَارَا



Gambar-gambar Sekitar Audit Kesyediaan Autonomi 2014



Hasil audit bagi setiap komponen yang dibentangkan semasa mesyuarat penutup telah dirumuskan mengikut kategori Amalan Terbaik, Pengukuhan dan Syor.

11.2 *Mesyuarat JKMKSP*

JKMKSP ialah jawatankuasa yang ditubuhkan sebagai membuat persediaan di peringkat awal (Pra-MKSP) sepertimana yang telah diluluskan oleh JKE dalam Mesyuarat Bil. 11/2013 pada 19 Ogos 2013. Mesyuarat kali kedua JKMKSP ini telah diadakan pada 22 Julai 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat IPSis.

Tujuan mesyuarat diadakan ialah untuk memperincikan laporan daripada semua bahagian yang termasuk di dalam skop pensijilan ISO 9001 di peringkat korporat. Manakala bagi PTJ yang mempunyai pensijilan sendiri, pelaporan ringkas sahaja yang perlu dibentangkan melainkan terdapat isu penting yang dirasakan perlu untuk diberi perhatian oleh MKSP (i.e JKE). Perkara-perkara yang dibincangkan ialah sebagai memenuhi **Klausu 5.6** dalam piawaian **ISO 9001:2008**.

Agenda mesyuarat ialah seperti berikut:

- Laporan Audit Dalam.
- Laporan Audit Luar InQKA.
- Aduan dan Maklumbalas Pelanggan.
- Prestasi Proses dan Keakuran Produk
- Kawalan Produk Yang Tidak Memenuhi Spesifikasi.
- Status Tindakan Pencegahan dan Tindakan Pembetulan.
- Tindakan Susulan daripada Kaji Semula Pengurusan yang lepas - Minit JKMKSP dan MKSP.
- Perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti UiTM.
- Cadangan Penambahbaikan.
- Laporan Status Pencapaian Objektif Kualiti UiTM.

InQKA telah bertindak sebagai Sekterariat bagi mesyuarat tersebut.

Gambar-gambar Sekitar Mesyuarat JKK MKSP



11.3 *Lawatan Naziran*

UiTM telah menerima lawatan naziran daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) pada 12 November 2014. Lawatan ini adalah bertujuan meneliti aspek-aspek pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan, menilai prestasi program/projek pembangunan yang menerima peruntukan pembangunan, perbincangan mengenai penilaian outcome ke atas program/projek yang telah dilaksanakan serta menyemak pematuhan kepada pekeling/surat pekeling berikut:

- Surat Pekeling Am Bilangan 3 Tahun 1998;
- Pekeling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007
- Surat Pekeling Am Bilangan 1 Tahun 2012

Jabatan yang terlibat secara langsung dengan perkara-perkara ini adalah Pejabat Bendahari, Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik, Bahagian Pembangunan, Pejabat Pengurusan Fasiliti, Jabatan Komunikasi Korporat, Bahagian Audit Dalam, Bahagian Pentadbiran dan Sekretarian, Pejabat Pendaftar, Unit Integriti dan InQKA sendiri.

Pelawat naziran terdiri daripada Puan Mutazira binti Abdul Mubin, Timbalan Pengarah, selaku Ketua, Encik Mohd Sufian bin Hassan, Timbalan Pengarah dan Puan Noraisyah binti Khairuddin, Penolong Pengarah. Secara umumnya, pihak ICU berpuas hati dengan perkara-perkara yang diaudit. InQKA juga berterima kasih kepada semua PTJ yang terlibat dalam penyediaan dokumen-serta penjelasan ke atas persoalan pihak ICU semasa sesi lawatan naziran tersebut.



Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
Universiti Teknologi MARA
Aras 2, Blok 11,
INTEKMA Resort & Convention Centre,
Persiaran Raja Muda, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor